

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI

KAWASAN : KUALA KRAI

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 57

YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada implementasi GST memberi kesan kepada Dasar Automotif Negara dan sama ada dasar ini kekal atau bakal berubah. Jika berubah, apakah aspek-aspek perubahan yang bakal dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) yang diumumkan pada Januari 2014 telah menggariskan satu pelan tindakan bagi mengawal selia penurunan harga kenderaan secara berperingkat.

Dalam hal ini, pelaksanaan GST turut diambil kira dalam merangka pelan tindakan tersebut yang mana GST dengan kadar 6 peratus menggantikan cukai terdahulu iaitu Cukai Jualan pada kadar 10 peratus.

Dengan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015, didapati harga kenderaan telah mula mengalami penurunan antara 1 hingga 3 peratus iaitu dengan nilai penurunan harga antara RM1,000 hingga RM14,000.

Antara model-model yang telah mengalami penurunan harga semenjak pelaksanaan GST ini adalah PROTON Saga 1.3L sebanyak 3 peratus dan HONDA City 1.5L sebanyak 2 peratus.

Melalui pelaksanaan GST ini, harga kereta telah dapat dikurangkan lagi dan ini menyumbang kepada hasrat Kerajaan di bawah NAP 2014 dan manifesto Kerajaan semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) untuk menurunkan harga kenderaan secara berperingkat antara 20 hingga 30 peratus menjelang tahun 2018.

Oleh yang demikian, pelaksanaan dasar dan langkah-langkah di bawah NAP 2014 tidak akan berubah kerana GST.